

**Notis Privasi (Bahasa Malaysia)**  
**(Untuk Pelanggan, Pembekal dan**  
**Rakan Perniagaan Bersekutu)**

DHL komited untuk melindungi Data Peribadi anda.

Tujuan Notis Privasi ini adalah untuk mendapatkan perhatian anda terhadap tataamalan dan polisi DHL berkenaan dengan pengumpulan, pemprosesan penzahiran, penyimpanan dan pelupusan Data Peribadi anda.

"Data Peribadi" merujuk kepada sebarang maklumat berkenaan dengan urusan komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang individu, yang diidentifikasi atau boleh diidentifikasi daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain yang berada dalam milikan DHL, termasuk sebarang data peribadi sensitif. Ini mungkin termasuk maklumat seperti nama, nombor pengenalan, alamat, nombor telefon dan data biometrik.

Data Peribadi yang disimpan oleh DHL adalah bersumberkan daripada maklumat yang anda berikan dalam urus niaga dan/atau interaksi lepas dengan DHL dan/atau mungkin diberikan oleh anda melalui penggunaan produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh DHL, penggunaan laman-laman web DHL, daripada akses anda ke premis/kemudahan DHL dan/atau sebaliknya yang mungkin dikumpul oleh kami.

Apabila anda memberikan maklumat Data Peribadi berkaitan dengan pihak ketiga, anda mengesahkan bahawa anda mempunyai hak untuk atau telah mendapatkan kebenaran terdahulu daripada pihak ketiga tersebut sebelum memberikannya kepada DHL.

DHL tidak secara sengaja mengumpul atau memproses Data Peribadi individu di bawah umur 18 tahun. Dalam keadaan luar biasa di mana pengumpulan dan/atau pemprosesan Data Peribadi sedemikian berlaku secara sengaja, DHL akan memastikan kebenaran diperolehi daripada ibu bapa atau penjaga individu tersebut jika diperlukan bergantung pada keadaan.

DHL mengumpul, memproses dan menyimpan Data Peribadi ini untuk fungsi-fungsi yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Ketika penghantaran bungkusan di dalam dan luar negara;
- bagi tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod (-rekod) anda;
- pengendalian dengan ejen, kontraktor, pembekal-pembekal dan rakan-rakan perniagaan bersekutu;
- pengiklanan dan pemasaran produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh DHL;
- menguruskan keselamatan premis dan kemudahan DHL;
- menjalankan kaji selidik kepuasan pelanggan dan acara/kempen pelanggan; dan/atau
- bagi lain-lain tujuan seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, termasuk pemberitahuan mengenai perkara-perkara tersebut kepada badan berkuasa kastam dan regulatori.

Harap maklum bahawa dalam kes-kes di mana Data Peribadi adalah wajib bagi DHL untuk menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kepada anda, kegagalan anda untuk memberikan Data Peribadi tersebut akan melambatkan atau menyebabkan DHL tidak dapat memberikan anda produk dan/atau perkhidmatan yang dikontrakkan kepada anda. Sekiranya anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda, sila ambil perhatian bahawa DHL mungkin tidak dapat memenuhi kewajipan berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan anda yang dikontrakkan.

Sila ambil perhatian bahawa DHL hanya akan menyimpan Data Peribadi anda selagi perlu untuk memenuhi kewajipannya berkenaan produk dan/atau perkhidmatan yang dikontrakkan, dan/atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan, dan/atau untuk tujuan pengarkiban yang konsisten dengan persekitaran operasi perniagaan DHL. Data Peribadi anda akan dipadamkan secara kekal sebaik sahaja Data Peribadi tersebut tidak lagi diperlukan untuk memenuhi sebarang kewajipan kontrak atau undang-undang atau untuk tujuan pengarkiban.

DHL mengambil serius tentang keselamatan Data Peribadi anda. DHL telah melaksanakan kawalan dan langkah praktikal untuk memastikan Data Peribadi anda selamat dan DHL menyemakannya dari semasa ke semasa.

DHL mungkin menzahirkan Data Peribadi anda kepada entiti lain dalam kumpulan syarikat DHL serta kepada ejen, kontraktor, pembekal dan rakan perniagaan DHL, sama ada mereka berada di dalam Malaysia atau di luar negara, yang terlibat dalam memenuhi permintaan anda dan/atau perkhidmatan dan/atau produk yang telah anda kontrakkan.

DHL juga mendapatkan sumber luar kepada pihak ketiga (dalaman dan luaran) untuk sebahagian daripada fungsi-fungsi dalamannya, di dalam Malaysia dan di luar negara. Fungsi-fungsi ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, penyediaan perkhidmatan invois, kewangan & perakaunan, penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan, logistik & pergudangan, serta teknologi maklumat, pusat data & perkhidmatan pengehosan/awan. Entiti pihak ketiga ini diwajibkan secara kontrak untuk mematuhi tataamalan dan dasar yang ditetapkan oleh DHL mengenai pemprosesan dan penyimpanan Data Peribadi anda.

DHL memberi jaminan kepada anda bahawa selain daripada keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam Notis ini dan bagi tujuan-tujuan lain yang sah, DHL tidak akan berkongsi, menjual, menyewa, berdagang dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan yang bercanggah dengan undang-undang yang terpakai melainkan kebenaran anda telah diperolehi terdahulu.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 memberikan kepada anda hak-hak khusus termasuk keupayaan untuk meminta akses kepada, pembetulan dan/atau penarikan balik kebenaran pemprosesan Data Peribadi anda yang disimpan oleh DHL. Hak ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa dalam keadaan terhad yang tertentu, hak anda mungkin tertakluk kepada sekatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sekiranya anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda untuk pemprosesan Data Peribadi anda, harap maklum bahawa akibat yang dinyatakan di atas akan dikenakan.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap Data Peribadi anda, ianya adalah tangungjawab anda untuk menasihati dan mengemaskini DHL secara bertulis melalui kaedah yang dinyatakan di bawah.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Data Peribadi anda, ingin meminta akses, membetulkan atau menarik balik persetujuan untuk memproses Data Peribadi anda yang disimpan oleh DHL, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data entiti DHL yang betul berdasarkan kontrak produk dan/atau perkhidmatan melalui butiran hubungan yang diberikan di bawah.

Untuk DHL Express (Malaysia) Sdn Bhd (23332-X) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 27, Menara TM, Off Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur.
No. Telefon:	+603 2241 8001

Alamat E-Mel:	<a href="mailto:pdpamyexpress@dhl.com">pdpamyexpress@dhl.com</a>
---------------	--

Untuk DHL Supply Chain (M) Sdn Bhd (7908-W) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Lot 4, Persiaran Perusahaan, Seksyen 23, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 5543 9333 / +6019 2676802
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:dpo.dscmy@dhl.com">dpo.dscmy@dhl.com</a>

Untuk DHL Global Forwarding (Malaysia) Sdn Bhd (247550-A) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 1, MCT Tower, One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 8020 2000
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:dpo.dgf.malaysia@dhl.com">dpo.dgf.malaysia@dhl.com</a>

Untuk DHL eCommerce (Malaysia) Sdn Bhd (13515-W) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, No. 3, Jalan PPU 1, Taman Perindustrian, Puchong Utama, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 2779 2300
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:edgmy-pep-dpo@dhl.com">edgmy-pep-dpo@dhl.com</a>

Untuk DHL Information Services (Asia-Pacific) Sdn Bhd (439340-V) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, 3509, Jalan Teknokrat 5, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 8315 3940
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:dpo-its-my@dhl.com">dpo-its-my@dhl.com</a>

Untuk DHL Asia Pacific Shared Services Sdn Bhd (734769-X) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 11, Imazium, No. 8, Jalan SS21/37, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 7841 6505
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:exp.apssc.dpo@dhl.com">exp.apssc.dpo@dhl.com</a>

Notis Privasi ini boleh disemak dari semasa ke semasa. Notis mengenai sebarang semakan sedemikian akan tersedia di laman web DHL ([www.dhl.com.my](http://www.dhl.com.my)) dan/atau melalui cara

komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh DHL.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakserasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

---